



Demi Tanah Airku

Hari: Tarikh:

Tema 5: Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan

✓ Pemahaman: Bahagian A

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Saudari Amelia,

Tujuan saya *mengirimkan warkah* ini adalah untuk menceritakan sambutan bulan kemerdekaan yang diadakan di sekolah saya. Majlis pelancaran bagi sambutan tersebut telah diadakan pada 20 Ogos 2020. Majlis itu dirasmikan oleh guru besar, Haji Raub bin Aziz.

Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang sambutan bulan kemerdekaan itu. Antaranya termasuklah tayangan video kemerdekaan, kayuhan merdeka, pertandingan keceriaan kelas, pertandingan menulis esei, pertandingan mendeklamasikan sajak, dan pertandingan bercerita. Semua aktiviti tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada murid-murid.

Saya menyertai pertandingan menulis esei. Esei tersebut bertemakan semangat kemerdekaan dalam kalangan generasi muda. Saya telah mendapat tempat pertama dalam pertandingan tersebut dan berjaya membawa pulang piala dan sijil penghargaan.

Selain itu, saya dan rakan-rakan bekerjasama menghias kelas. Kami menggantung Jalur Gemilang, menampal poster yang berkaitan dengan kemerdekaan, dan membersihkan kelas. Hasilnya, kelas kami berjaya memenangi tempat kedua dalam pertandingan tersebut. Kami berasa sangat gembira.

Sekian sahaja warkah saya buat kali ini. Sampaikan salam saya buat keluarga saudari. Semoga kita bertemu lagi dalam lembaran yang lain.
Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,
Riana Atikah

1. Apakah tujuan penulis mengutus surat kepada sahabatnya?

- A Menceritakan sambutan bulan kemerdekaan yang diadakan di sekolahnya.
- B Berkongsi pengalaman kali pertama menghadiri sambutan bulan kemerdekaan.
- C Memaklumkan sambutan bulan kemerdekaan di sekolahnya yang bakal tiba.
- D Memenuhi permintaan sahabatnya yang ingin mengetahui suasana sambutan bulan kemerdekaan di sekolahnya.

2. Majlis pelancaran sambutan bulan kemerdekaan di sekolah penulis dirasmikan oleh

- A sahabat penulis.
- B guru besar.
- C tetamu kehormat.
- D penolong guru besar.

3. Pelbagai aktiviti dijalankan semasa sambutan bulan kemerdekaan tersebut diadakan, **kecuali**

- A kayuhan merdeka.
- B pertandingan bercerita.
- C pertandingan menulis sajak.
- D tayangan video kemerdekaan.

4. Rangkai kata *mengirimkan warkah* dalam petikan bermaksud

- A menulis cerita.
- B mengutus surat.
- C berkongsi pengalaman.
- D bertanyakan khabar.